

PENGARUH PEMANFAATAN SUMBER BELAJAR TERHADAP PRESTASI AKADEMIK MAHASISWA DI SEBUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SELANGOR

Nur' Ain Idayu Khozali dan Noor Raudhiah Abu Bakar,
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
raudhiah@kuis.edu.my

Abstrak

Sumber belajar atau *learning resources* merupakan salah satu faktor luaran yang penting dan dapat mempengaruhi prestasi akademik mahasiswa iaitu penggunaan media internet, media perpustakaan dan media pembelajaran yang wujud di kampus. Keaktifan mahasiswa dalam memanfaatkan sumber yang adalah sangat penting kepada mereka. Penggunaan sumber belajar adalah pelbagai dan tidak hanya terhad kepada buku teori semata-mata. Ini kerana sumber belajar adalah lingkungan atau persekitaran yang dapat dimanfaatkan oleh sekolah dan institusi tinggi sebagai sumber pengetahuan, ianya boleh berbentuk manusia atau bukan manusia. Kertas kerja ini dihasilkan berdasarkan kajian yang mengenal pasti hubungan antara pemanfaatan sumber belajar yang utama iaitu media internet, media perpustakaan dan media pembelajaran terhadap prestasi akademik mahasiswa. Responden kajian terdiri daripada 250 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda dari sebuah IPTS di Selangor. Hasil kajian daripada analisis korelasi menunjukkan bahawa kesemua media ini sebagai sumber belajar yang utama mempunyai hubungan yang positif dengan prestasi akademik dalam kalangan mahasiswa tersebut. Ini menunjukkan bahawa faktor luaran seperti pemanfaatan sumber belajar amat mempengaruhi prestasi akademik mahasiswa. Hasil kajian amat berguna kepada pihak pengurusan institusi pengajian agar memandangkan serius kesemua media ini dengan menambahbaik kemudahan prasarana terutamanya infrastruktur di perpustakaan dan juga tahap liputan jaringan tanpa wayar.

Kata Kunci: Sumber Belajar, Media Internet, Media Perpustakaan, Media Pembelajaran, Prestasi Akademik Mahasiswa.

EFFECT OF THE USE OF RESOURCES ON STUDENT ACHIEVEMENT OF HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS IN SELANGOR

Abstract

Learning resources is one of the most important external factors that can affect students' academic achievement which is the use of internet media, library media and learning media that exist on campus. The student's activity in utilizing the resources that is very important to them. The use of learning resources is diverse and not limited to theoretical books alone because learning resources are the environment that schools and institutions can use as a source of knowledge, they can be human or non-human. This paper is based on a study that identifies the relationship between the use of major learning resources which is internet media, library media and learning media on student academic performance. The respondents of the study consisted of 250 Bachelor Degree students from an IPTS in Selangor. The findings from the correlation analysis show that all of these media as the main learning resources have a positive relationship with the academic performance among the

students. This shows that external factors such as the utilization of learning resources are affecting the student's academic performance. The finding of the study is useful for management of the university to take it seriously these media to improve infrastructure especially in libraries and also the level of Wireless network coverage.

Keywords: Learning Resources, Internet Media, Libraries Media, Learning Media, Academic Achievement Student.

1.0 PENDAHULUAN

Pendidikan di insititusi tinggi adalah sambungan daripada pendidikan di sekolah menengah yang mana akan menyiapkan para pelajar untuk menjadi anggota masyarakat yang memiliki kemampuan akademik dan profesional yang dapat menerapkan, mengembangkan dan menciptakan ilmu pengetahuan, teknologi atau kesenian. Pendidikan merupakan hal yang utama dalam proses peningkatan kualiti sumber daya seseorang manusia. Manusia berkembang menjadi dewasa melalui pendidikan seperti pendapat yang diungkapkan oleh John I Goodlad dalam Evelinw Siregar (2010) iaitu "*education is a process through which behavior ways of thinking, feeling and acting changes or is modified over time*" yang bermaksud pendidikan adalah suatu proses di mana cara berfikir, perasaan dan tingkah laku serta perubahan tindakan yang diubahsuai dari semasa ke semasa.

Melalui pendidikan, seseorang itu akan mendapatkan bekalan dan mempunyai aset dalam menghadapi kehidupan yang akan datang kerana dengan pendidikan, kehidupan seseorang itu diharapkan akan lebih baik dan terjamin. Dengan adanya pendidikan diharapkan mampu mencipta generasi penyambung bangsa yang berkualiti sehingga mampu untuk membawa perubahan ke arah yang lebih baik.

Prestasi akademik merupakan hal yang tidak dapat dipisahkan dari aktiviti belajar, ini kerana aktiviti belajar merupakan proses manakala prestasi merupakan hasil dari proses belajar. Menurut Hamalik (2003) "prestasi akademik adalah hasil atas kepandaian atau keterampilan yang dicapai oleh seseorang individu untuk memperoleh perubahan tingkah laku yang baru, secara keseluruhan sebagai hasil daripada usahanya". Terdapat beberapa fungsi penilaian dalam bidang akademik (Djiwandono, 2002), antara lain adalah untuk mengetahui taraf persiapan mahasiswa untuk menempuh tingkat pendidikan tertentu.

Prestasi akademik sangat penting dan terdapat banyak faktor yang telah dikaji namun terdapat faktor yang kurang dikaji iaitu usaha mahasiswa dalam mencari sumber belajar itu sendiri. Antara salah satu faktor luaran yang penting dan dapat mempengaruhi prestasi akademik mahasiswa adalah pemanfaatan sumber belajar (*learning resources*) yang utama iaitu penggunaan media internet, media perpustakaan dan media pembelajaran yang wujud di kampus. Keaktifan mahasiswa dalam memanfaatkan sumber yang ada adalah sangat penting kepada mereka.

Sumber belajar di zaman globalisasi ini semakin pelbagai jenisnya, sehingga tidak hanya wujud dalam bentuk buku cetak sahaja, tetapi juga boleh diperolehi dari media elektronik seperti internet. Sering kali dijumpai mahasiswa aktif dalam mengakses internet ketika mendapat tugas dari pensyarah, oleh itu universiti dan kolej biasanya menjadikan media internet sebagai sumber belajar selain dari buku yang sudah ada.

Untuk menyesuaikan dengan perkembangan yang ada, saat ini perpustakaan juga menambah layanan iaitu dengan memberi fasiliti *hotspot* atau wifi, sehingga dapat memudahkan mahasiswa mencari sumber atau bahan pembelajaran dengan dua sumber iaitu buku dan internet secara mudah. Hal tersebut dilakukan agar mahasiswa tidak melupakan

media cetak seperti buku yang memiliki sumber ilmu. Maklumat yang terdapat di dalam buku itu adalah dipertanggungjawabkan keilmiahannya dan kesahihan.

Lingkungan belajar tidak terlepas dari keberadaan siswa dalam belajar yang mana akan melibatkan media pembelajaran dan ianya merupakan satu sumber yang penting terhadap prestasi akademik mahasiswa. Segala sesuatu yang dapat digunakan untuk merangsangkan fikiran, perasaan, perhatian dan kemampuan sehingga dapat mendorong terjadinya proses belajar.

Kajian ini akan mengkaji faktor luaran iaitu pengaruh pemanfaatan sumber belajar yang utama merujuk kepada media internet, media perpustakaan dan media pembelajaran terhadap prestasi akademik mahasiswa.

2.0 PERNYATAAN MASALAH

Terdapat pelbagai cara untuk para siswa dalam memperoleh ilmu pengetahuan. Antara salah satu sumber belajar yang digunakan adalah media cetak yang wujud di perpustakaan. Kewujudan perpustakaan ini bertujuan agar dimanfaatkan oleh siswanya untuk menunjang proses belajar mengajar. Namun ada juga di kalangan mahasiswa yang tidak memanfaatkan perpustakaan dalam proses belajarnya kerana merasakan bahawa bahan kuliah yang diberikan oleh pensyarah sudah mencukupi. Selain media cetak yang wujud di perpustakaan, media internet juga boleh dijadikan sumber belajar yang mana boleh memberi kesan yang positif dan negatif terutama dalam aspek prestasi akademik seseorang mahasiswa itu. Akhirnya, media pembelajaran yang mana sudah menjadi kebiasaan para siswa sebagai sumber belajar di dalam dan luar kelas namun tidak semua mahasiswa memanfaatkan penggunaan bahan-bahan yang diberikan.

Terdapat kajian yang menulis tentang ketiga-tiga media ini, namun ditulis secara berangisan dan kurang dikaji bersama-sama. Selain itu, kajian yang dijalankan kebanyakan di negara Indonesia yang mana kurang sekali dikaji di Malaysia. Ini memberi peluang kepada kajian ini dijalankan untuk mengkaji dengan lebih mendalam berkaitan pengaruh pemanfaatan ketiga-tiga media sebagai sumber belajar terhadap prestasi.

3.0 KAJIAN LITERATUR DAN PEMBENTUKAN HIPOTESIS

Kajian literatur boleh dibahagikan kepada prestasi akademik, media internet, media perpustakaan dan media pembelajaran sebagai sumber belajar utama.

3.1 Prestasi Akademik

Pelaksanaan pendidikan di berbagai peringkat sebenarnya merupakan media bagi setiap individu, termasuk mahasiswa dalam belajar. Institusi tinggi sejauh ini telah berkembang mengikuti tuntutan global dalam mempersiapkan mahasiswa menjadi insan yang siap bersaing. Pada hakikatnya, prestasi akademik merupakan pencerminan dari usaha belajar. Semakin baik usaha belajar yang dilakukan individu, maka semakin baik pula prestasi yang dicapai. Seterusnya, Prestasi adalah hasil yang telah dicapai, dilakukan dan dikerjakan oleh seseorang (Baiti, 2010).

Manakala bagi Sawiji (2008) membahagikan prestasi menjadi dua iaitu prestasi akademik dan prestasi bukan akademik. Prestasi akademik menurut beliau merupakan hasil perubahan perilaku yang meliputi kognitif, efektif dan psikomotor yang merupakan ukuran keberhasilan siswa (Sugiyanto, 2007). Kognitif merupakan kemampuan yang selalu dituntut

kepada anak didik untuk dikuasai. Kerana penguasaan kemampuan pada tingkat ini menjadi dasar bagi penguasaan ilmu pengetahuan. Untuk mengukur prestasi akademik mahasiswa digunakan kaedah ujian atau pemerhatian. Ujian adalah suatu cara untuk mengadakan penilaian yang berbentuk suatu tugas atau serangkaian tugas yang harus dikerjakan oleh siswa. Ujian prestasi dimaksudkan untuk mengukur kemampuan apa yang telah dikuasai oleh para siswa (Santrock, 2009).

Menurut para pakar istilah “literacy” secara sederhana didefinisikan sebagai kemampuan membaca dan menulis. Dalam perkembangannya, istilah “literacy” menurut Ardianto (2009) merujuk pada kemampuan seseorang dalam menggunakan maklumat yang bertulis atau bercetak untuk mengembangkan pengetahuan serta memiliki berbagai kepakaran yang dapat dikuasai iaitu membaca, menulis, mengira dalam erti yang sangat luas. Menurut Stanley J. Baran (2004) menyatakan bahawa kemampuan literasi media mengandungi aspek-aspek tertentu. Antaranya ialah kemampuan dan keinginan untuk membuat kemajuan dalam memahami isi, memperhatikan dan menyaring maklumat dari luar.

3.2 Hubungan Pemanfaatan Media Internet Dengan Prestasi Akademik Mahasiswa

Media internet di bidang pendidikan sangat berguna dalam proses belajar mengajar di sekolah, di mana para siswa dapat melengkapi ilmu pengetahuannya, sedangkan guru dapat mencari bahan mengajar yang sesuai dan inovatif melalui penggunaan media internet. Mahasiswa dapat mencari berbagai maklumat di internet, mulai dari mata pelajaran sehingga ilmu pengetahuan umum semuanya boleh dicari di media internet. Sedangkan guru juga boleh mencari maklumat yang dapat dijadikan bahan untuk diajarkan kepada siswanya selain dari buku yang mana keadaan ini dapat memberi kesan yang lebih efektif kepada prestasi akademik para siswa (Supriyanto, 2007).

Menurut Oetomo (2005), maklumat yang *up-to-date* telah mendorong kepada peningkatan motivasi untuk membaca dan mengikuti perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi yang terjadi. Keadaan ini dapat dilihat yang mana akan memberi manfaat kepada para siswa dan secara tidak langsung berkait rapat dengan prestasi akademik siswa yang mana positif kegunaan media internet ini. Tambahan lagi, media internet dapat memudahkan pencarian suatu bahan informasi yang berkaitan dengan mata pelajaran. Contohnya seperti mata pelajaran ekonomi yang mana sentiasa *update* nilai mata wang dan ekonomi negara yang mana dapat membantu mereka dalam memahami mata pelajaran tersebut begitu juga dengan jurusan mahasiswa yang lain yang memerlukan isu-isu semasa untuk dikaji dan dijadikan sebagai ilmu baru.

Hasil dapatan kajian lepas yang dibahaskan oleh Wiji Suwarno (2010) jelas menunjukkan bahawa “sumber belajar (*learning resources*) adalah sesuatu yang dapat dimanfaatkan untuk menfasiliti belajar seseorang”. Media internet dapat dikelompokkan sebagai sumber belajar *learning sources by utioization* (sumber belajar yang sudah tersedia dan tinggal dimanfaatkan) kerana dalam internet terdapat berbagai fungsi dan maklumat yang dapat dimanfaatkan oleh dunia pendidikan untuk menambah dan untuk mencapai tujuan pembelajaran. Tambahan lagi, sumber belajar sekarang semakin pelbagai jenisnya, sehingga tidak hanya wujud dalam buku cetak saja, tetapi juga dapat diperoleh dari media elektronik seperti internet yang mana media internet dapat dimanfaatkan sebagai sumber belajar disamping dapat memperluas pengetahuan belajar dan pada masa yang juga dapat mencari bahan pelajaran yang berkaitan dengan pelajaran yang diajarkan di kolej atau universiti untuk jurusan sumber manusia, ekonomi dan sebagainya disebabkan subjek-subjek ini selalu menghubungkan bahan pelajaran dengan kehidupan nyata (*real life*) serta maklumat global yang sering berubah-ubah. Media internet sudah menjadi *trend centre* dikalangan para

mahasiswa dan mereka mulai aktif mencari perkara dan pengetahuan yang baru dengan memanfaatkan media internet sebagai sumber belajar.

3.3 Hubungan Pemanfaatan Media Perpustakaan Dengan Prestasi Akademik Mahasiswa

Kajian yang ditulis oleh Ardian Kusuma (2009) menerangkan untuk merealisasikan kewujudan media perpustakaan di institusi sebagai sebahagian integral dari kegiatan belajar mengajar tidaklah mudah, Hal itu ditentukan oleh sistem pengajaran yang menuntut pemanfaatan media perpustakaan sekolah dalam setiap kegiatan belajar mengajarnya. Ini dapat dilihat bahawa salah satu penunjang prestasi belajar akademik mahasiswa adalah media perpustakaan di institusi.

Hasil kajian yang ditulis oleh Ahmad Kusnadi (2013) menerangkan tentang peranan media perpustakaan di dalam pendidikan amatlah penting, iaitu membantu mahasiswa dalam pendidikan. Oleh sebab itu, segala bahan pustaka yang dimiliki media perpustakaan harus dapat menunjang proses belajar mengajar. Media perpustakaan yang sedia haruslah melengkapi bahan sumber belajar bagi mahasiswa untuk menumbuh minat siswa dalam membaca, ini kerana media perpustakaan sebagai platform untuk menimbulkan kecintaan mahasiswa terhadap membaca. Secara tidak langsung, hal ini dapat meningkatkan keterampilan siswa dalam belajar dan membantu mereka untuk belajar secara sendiri serta melatih mahasiswa ke arah tanggungjawab. Selain itu, media perpustakaan ini dapat membantu mahasiswa dalam menyiapkan tugas yang diberikan dengan maklumat yang lebih *valid* atau sah iaitu rujukan yang lebih dijamin keilmiahannya.

Selain itu, Puji Astutik (2005) menulis dalam jurnalnya bahawa bagi mahasiswa, sumber maklumat dan ilmu pengetahuan sangat penting. Media cetak yang wujud di perpustakaan diharapkan mampu meningkatkan kualiti mahasiswa. sesuai yang diungkapkan Sutarno (2003), salah satu peranan media perpustakaan adalah “sebagai *fasilitator*, *mediator* dan *motivator* bagi mereka yang ingin mencari, memanfaatkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan dan pengalamannya”. Peranan tersebut sangat membantu dalam proses pembelajaran mahasiswa, sebagai *motivator* diharapkan media perpustakaan dapat memotivasikan mahasiswa dalam setiap aktiviti terutama dalam hal belajar. Fasilitas perlengkapan perpustakaan berperanan dalam menunjang atau meningkatkan prestasi belajar dan akademik mahasiswa. Peranan positif media perpustakaan juga ditemukan oleh Tabor dimana siswa yang suka membaca di perpustakaan memiliki prestasi yang lebih baik (2006).

3.4 Hubungan Pemanfaatan Media Pembelajaran Dengan Prestasi Akademik Mahasiswa

Di dalam kajian lepas oleh Sofiah, Se dan Mpd (2010) terhadap pelajar kelas mata pelajaran ilmu sosial budaya dasar yang mana kaedah kajian adalah deskriptif. Penulis menerapkan media pembelajaran untuk meningkatkan aktiviti belajar sehingga terjadi peningkatan prestasi akademik mahasiswa. Hasil penelitian menunjukkan bahawa terjadi peningkatan aktiviti belajar pada proses pembelajaran, ketepatan dalam mengerjakan tugas yang diberikan oleh guru serta suasana belajar menjadi lebih menyenangkan dan terjadi komunikasi interaktif. Terjadi peningkatan prestasi belajar yang mana menyumbang kepada hubungan yang positif terhadap prestasi akademik mahasiswa semasa menggunakan media pembelajaran sebagai sumber belajar. Kajian ini juga ada menerangkan bahawa rendahnya aktiviti pada proses pembelajaran berpengaruh pada prestasi belajar mahasiswa.

Dalam proses pembelajaran, biasanya digunakan bantuan dari media pembelajaran sebagai alat bantu ketercapaian tujuan pendidikan dan tujuan pembelajaran. Oleh kerana itu,

menurut Oemar Hamalik (dalam Arsyad, 2011), pengajar harus mempunyai pengetahuan dan pemahaman tentang media pembelajaran yang meliputi manfaat media pembelajaran dalam proses belajar mengajar terhadap prestasi akademik mahasiswa. Sebaliknya, dari sudut mahasiswa itu sendiri juga perlu ada kesungguhan dalam mengguna sebaik mungkin media pembelajaran yang disediakan untuk membantu mereka dalam mencapai tujuan pendidikan dan tujuan pembelajaran. Hal ini kerana, media pembelajaran juga berkait rapat dengan prestasi akademik yang mana boleh mempengaruhi pemahaman seseorang mahasiswa dalam sesuatu mata pelajaran dan secara tidak langsung dapat mempengaruhi prestasi akademik mahasiswa.

Dalam pengembangan dan pemanfaatan bahan pembelajaran dapat dilakukan dengan dua cara iaitu *resource by design* yang mana sumber-sumber belajar yang secara sengaja dirancang dan dikembangkan untuk kepentingan pembelajaran dan *resource by utilization* yang mana merujuk kepada sumber-sumber belajar yang ada di lingkungan sekitar yang dapat digunakan dan dimanfaatkan bagi kepentingan pembelajaran. Kedua-dua kaedah ini dapat memberi pengaruh terhadap pemahaman mahasiswa yang mana seterusnya boleh memberi kesan kepada prestasi akademik mereka (Ahmad Sudrajat, 2008).

3.5 Hipotesis Kajian

Terdapat tiga hipotesis kajian yang diuji oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini. Berikut adalah ketiga-tiga hipotesis kajian yang telah diuji:

Hipotesis Pertama: Hubungan antara media internet sebagai sumber belajar dengan prestasi akademik mahasiswa.

H₁: Terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh pemanfaatan media internet sebagai sumber belajar terhadap prestasi akademik mahasiswa. Kajian dijangkakan semakin tinggi pemanfaatan media internet sebagai sumber belajar, maka semakin bagus prestasi akademik mahasiswa.

Hipotesis Kedua: Hubungan antara media perpustakaan sebagai sumber belajar dengan prestasi akademik mahasiswa.

H₂: Terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh pemanfaatan media perpustakaan sebagai sumber belajar terhadap prestasi akademik mahasiswa. Kajian dijangkakan semakin kerap media perpustakaan dimanfaatkan, maka semakin bagus prestasi akademik mahasiswa.

Hipotesis Ketiga: Hubungan antara media pembelajaran sebagai sumber belajar dengan prestasi akademik mahasiswa.

H₃: Terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh pemanfaatan media pembelajaran sebagai sumber belajar terhadap prestasi akademik mahasiswa. Kajian dijangkakan semakin tinggi pemanfaatan media pembelajaran sebagai sumber belajar, maka semakin bagus prestasi akademik mahasiswa.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Data dikumpulkan dengan cara mengedar borang kaji selidik kepada pelajar sebuah IPT di Selangor. Borang soal kaji selidik merupakan teknik pengumpulan data yang dipilih dalam kajian ini. Populasi kajian ini terdiri daripada pelajar-

pelajar IPTS di Selangor. Seramai 250 orang pelajar yang terlibat di tempat kajian dan sampel dipilih secara rawak.

4.1 Ujian Kebolehpercayaan

Jadual 4.1: Ujian Kebolehpercayaan Data Bagi Setiap Pemboleh Ubah

Bahagian	Perkara	Bil. Soalan	Cronbach Alpha
A	Demografi	5	-
(Pemboleh ubah tidak bersandar)			
B	Media internet	8	0.552
C	Media perpustakaan	8	0.485
D	Media pembelajaran	8	0.562
(Pemboleh ubah bersandar)			
E	Prestasi akademik	7	0.703

Dapatan kajian yang lebih tepat boleh diperolehi sekiranya kesemua pemboleh ubah di dalam borang kaji selidik menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Keputusan hasil ujian kebolehpercayaan (*Cronbach Alpha*) pada keseluruhan soal selidik kajian ini menunjukkan prestasi akademik mahasiswa yang merupakan pemboleh ubah bersandar memperoleh nilai 0.703 iaitu nilai pekali korelasi yang sangat tinggi. Pemboleh ubah tidak bersandar iaitu media internet mencatat sebanyak nilai 0.552, diikuti dengan media pembelajaran menunjukkan nilai 0.562. Seterusnya, media perpustakaan mencatat nilai 0.485.

5.0 HASIL KAJIAN

Hasil kajian dibahagikan kepada tiga iaitu hasil kajian deskriptif, demografi responden dan hasil analisis korelasi.

5.1 Hasil Kajian Deskriptif Min

Nilai min menerangkan tahap setiap pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar (Mohd Majid Konting, 1990). Jadual 5.1 dibawah menunjukkan analisis pengelasan bagi skor min dan tahap penilaian.

Jadual 5.1 Analisis Pengelasan Skor Min Dan Tahap Penelitian

Pengelasan Skor Min	Tahap Skor
1.00-2.33	Rendah
2.34-3.67	Sederhana
3.68-5.00	Tinggi

Sumber : (Pallant, 2011)

Secara keseluruhannya, analisis deskriptif min pada keempat-empat pemboleh ubah iaitu media internet, media perpustakaan, media pembelajaran yang mana ketiga-tiga media ini sebagai sumber belajar utama kepada mahasiswa dan pemboleh ubah yang terakhir ialah prestasi akademik mahasiswa dapat dikelaskan pada tahap penilaian sederhana di kalangan responden kajian. Secara rumusan dari segi pengukuran skor min dan tahap bagi analisis skor min di dalam kajian ini adalah seperti jadual 5.2 di bawah:

Jadual 5.2: Rumusan Analisis Skor Min

Pemboleh Ubah	Skor Min	Tahap
Media internet	3.41	Sederhana
Media perpustakaan	3.00	Sederhana
Media pembelajaran	3.33	Sederhana
Prestasi akademik	2.75	Sederhana

Secara keseluruhannya, analisis deskriptif min pada keempat-empat pemboleh ubah iaitu media internet, media perpustakaan, media pembelajaran yang mana ketiga-tiga media ini sebagai sumber belajar utama kepada mahasiswa dan pemboleh ubah yang terakhir ialah prestasi akademik mahasiswa dapat dikelaskan pada tahap penilaian sederhana di kalangan responden kajian.

5.2 Demografi Responden

Demografi responden kajian boleh dirujuk pada jadual di bawah:

Jadual 5.3: Profil Demografi Responden

Maklumat Demografi	Perkara	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	1) lelaki 2) perempuan	86 164	34.4 65.6
Umur	1) bawah 20 tahun 2) 21-22 tahun 3) 23-24 tahun 4) 25 tahun dan ke atas	- 123 119 8	- 48 43 9
Program Pengajian	1) BB01 2) BB02 3) BB03 4) BB04 5) BB05	46 75 45 42 42	18.4 30.0 18.0 16.8 16.8
Semester	1) Semester 3 2) Semester 4 3) Semester 5 4) Semester 6 5) Semester 7	25 72 63 46 44	10.0 28.8 25.2 18.4 17.6
Keputusan CGPA	1) Bawah 2.00 2) 2.00 – 2.49 3) 2.50 – 2.99 4) 3.00 – 3.49 5) 3.50 – 4.00	- 30 93 86 41	- 12.0 37.2 34.4 16.4

5.3 Analisis Ujian Korelasi

Pada bahagian ini kaedah analisis data yang digunakan ialah kaedah Korelasi Pearson kerana data yang digunakan adalah bertahap nominal dan seterusnya dapat menjawab persoalan kajian ini. Penggunaan kaedah ini adalah bertujuan untuk menguji hubungan di antara dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bersandar dengan pemboleh ubah tidak bersandar.

Menurut (Uma Sekaran & Bougie, 2013) secara teorinya ini boleh menjadi korelasi positif atau negatif yang sempurna antara dua pemboleh ubah, yang diwakili oleh 1.0 (1.0@-1.0). Jadual 5.4 dibawah menerangkan nilai pekali korelasi (r) yang menggunakan kaedah Pearson.

Jadual 5.4: Penerangan Korelasi Pearson

Nilai Korelasi	Kekuatan Hubungan
0.00	Tiada Korelasi
Kurang daripada 0.19	Sangat rendah
0.20-0.39	Rendah
0.40-0.69	Sederhana
0.70-0.89	Tinggi
0.90-1.00	Sangat Tinggi

Jadual 4.10: Korelasi hubungan antara Pemboleh Ubah Tidak Bersandar dan Pemboleh Ubah Bersandar

		Prestasi Akademik (PB)	Media Internet (PTB)	Media Perpustakaan (PTB)	Media Pembelajaran (PTB)
Prestasi Akademik (PB)	Pearson Correlation	1	.142*	.241**	.211**
	Sig. (2-tailed)		.025	.000	.001
	N	250	250	250	250
Media Internet (PTB)	Pearson Correlation	.142*	1	-.076	.295**
	Sig. (2-tailed)	.025		.231	.000
	N	250	250	250	250
Media Perpustakaan (PTB)	Pearson Correlation	.241**	-.076	1	.061
	Sig. (2-tailed)	.000	.231		.339
	N	250	250	250	250
Media Pembelajaran (PTB)	Pearson Correlation	.211**	.295**	.061	1
	Sig. (2-tailed)	.001	.000	.339	
	N	250	250	250	250

*. Correlation is significant at the 0.05 level (2-tailed).

**. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

PB: Pemboleh Ubah Bersandar

PTB: Pemboleh Ubah Tidak Bersandar

5.4 Ringkasan Hasil Kajian

Hipotesis	Butiran	Keputusan
H ₁	Pemanfaatan media internet sebagai sumber belajar mempunyai hubungan yang signifikan terhadap prestasi akademik mahasiswa	Disokong
H ₂	Pemanfaatan media perpustakaan sebagai sumber belajar mempunyai hubungan yang signifikan terhadap prestasi akademik mahasiswa	Disokong
H ₃	Pemanfaatan media pembelajaran sebagai sumber mempunyai hubungan yang signifikan terhadap prestasi akademik mahasiswa	Disokong

6.0 KESIMPULAN

Secara umumnya, penggunaan sumber belajar yang utama iaitu media internet, media perpustakaan dan media pembelajaran adalah penting dan mempengaruhi prestasi akademik mahasiswa di kalangan mahasiswa. Kajian ini juga telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif di antara ketiga-tiga media tersebut dengan prestasi akademik mahasiswa. Namun, media internet yang paling tinggi penggunaannya tetapi sumber yang lebih berkesan adalah media perpustakaan yang menunjukkan bahawa cara tradisional lebih berkesan untuk meningkatkan prestasi akademik. Cadangan untuk kajian yang diusulkan bagi memberi kekuatan kepada kajian yang dijalankan dan berharap pihak yang terlibat melakukan tindakan yang sewajarnya.

Pengkaji merasakan pihak pengurusan IPTS perlu meningkatkan lagi infrastuktur yang sedia ada di perpustakaan. Antaranya ialah menambah buku-buku rujukan para pelajar dan penambahbaikan fasiliti yang sedia ada di perpustakaan yang mana akan dapat meningkatkan kecenderungan para mahasiswa lebih aktif dalam mengguna dan menjadikan media perpustakaan sebagai salah satu sumber belajar utama kepada mereka.

Bagi media pembelajaran yang mana juga menjadi sumber belajar utama kepada mahasiswa dalam proses pembelajaran sama ada di dalam atau luar kelas. Pengkaji merasakan bahawa para pelajar perlu lebih berusaha dalam menggunakan media pembelajaran dengan sebaik yang mungkin, contohnya *slide* dan sebagainya. Penggunaan media pembelajaran akan mendorong mahasiswa dalam memahami suatu mata pelajaran yang diajarkan dan para mahasiswa dapat memanfaatkan di luar waktu kelas sebagai rujukan mereka. Keadaan ini juga akan mendorong mereka untuk belajar secara sendiri.

Hasil kajian menunjukkan walaupun penggunaan media internet yang paling tinggi tetapi hubungan antara media internet dengan prestasi akademik mahasiswa adalah kurang berbanding dengan media yang lain iaitu media perpustakaan dan media pembelajaran. Hal ini menunjukkan bahawa media ini kurang memberi kesan kerana mungkin media ini lebih menjurus kepada sumber yang tiada kaitan dengan pembelajaran. Oleh itu, pengkaji mencadangkan supaya mahasiswa boleh mempraktikkan pembelajaran dengan menggunakan *E-learning* dan menjadikan media internet sebagai sumber belajar kepada mahasiswa yang mana pemanfaatan yang positif dan efektif dapat melahirkan mahasiswa yang mempunyai sifat sendiri yang tinggi secara tidak langsung dapat melahirkan pelajar yang lebih celik dalam teknologi dan membentuk pelajar yang *holistic* dari semua perkara pada masa yang sama.

Seterusnya, pemanfaatan media internet dapat dipengaruhi oleh infrastuktur yang terdapat di suatu institusi atau tempat pengajian itu. Pengkaji mencadangkan agar sambungan internet perlu diperluaskan lagi dan perlu dibaiki dari segi kelajuan sambungan lebih-lebih di kawasan yang menjadi tumpuan mahasiswa di KUIS seperti di kesemua fakulti dan perpustakaan. Penambah bilangan komputer di perpustakaan juga harus dinaiktarafkan. Tidak ketinggalan juga, sambungan internet di asrama (mahallah) untuk memudahkan para mahasiswa dalam menggunakan sambungan internet untuk mencari maklumat dan bahan-bahan yang berkaitan di luar waktu kelas mereka tanpa mengira limitasi waktu.

Terdapat limitasi kajian ini yang harus diambil kira dalam menilai hasil kajian. Pertama, kajian ini cuma melihat kepada pemanfaatan tiga media sahaja iaitu media internet, media perpustakaan dan media pembelajaran sebagai sumber belajar yang utama. Kajian ini tidak mengambil kira faktor-faktor lain seperti faktor persekitaran dan sebagainya. Kajian ini juga lebih mementingkan faktor luaran daripada faktor dalaman seperti faktor minat, motivasi dan sebagainya. Kedua, kajian ini menggunakan sampel dari pelajar sebuah insititusi pengajian sahaja. Hasil kajian ini mungkin berbeza dengan sampel dari pelajar di insititusi

pengajian yang lain. Maka hasil kajian ini tidak boleh mewakili keseluruhan pelajar di kesemua institusi pengajian tinggi yang berbeza.

Berdasarkan limitasi-limitasi kajian yang sedia ada, diharapkan kajian yang akan datang dapat mengetengahkan pelbagai lagi faktor yang lain seperti faktor luaran yang lain dan juga faktor dalaman yang mana dapat mempengaruhi prestasi akademik mahasiswa. Seterusnya, dicadangkan juga supaya kajian yang akan datang untuk membuat perbandingan kajian dalam pemanfaatan dan penggunaan sumber belajar yang utama iaitu media internet, media perpustakaan dan media pembelajaran dengan institusi pengajian yang lain supaya maklumat hasil kajian lebih dapat dilihat daripada pelbagai institusi pengajian.

7.0 RUJUKAN

- Arsyad, A. (2011). Media Pembelajaran.
- Astuti Wahyu Utami, J. S. (2013). Studi Tentang Penggunaan Media Pembelajaran Ekonomi Materi Akuntansi Kelas XI IPS di SMA Negeri 1 Manyar.
- Astutik, P. (n.d.). (2005). Pemanfaatan Perpustakaan dan Internet untuk Meningkatkan Motivasi dan Prestasi Belajar .
- Baiti, H. N. (2010). Pengaruh Rasa Percaya Diri Terhadap Prestasi Belajar Siswa Kelas VIII Di MTs Miftahul Huda Muncar Banyuwangi .
- Baran, S. J. (2004). Introduction to Mass Communication: Media Literacy and Culture. (T. M.-H. Companies, Ed.) 56-58.
- Creswell, J. (2002). Educational Research Planning, conducting, and evaluating quantitative and qualitative research. Educational Research .
- Devellis, R. F. (2003). Scale Development: Theory and Applications (Applied Social Research methods Series (Vol. Vol. 26). Newbury Park: Sage .
- Djiwandono, .. (2002). Psikologi Pendidikan.
- Eveline Siregar, H. N. (2010). Teori Belajar dan Pembelajaran.
- Garland, R. (1991). The Mid-Point on a Rating Scale: Is it Desirable ? Marketing Bulletin.
- Hair, J. F. (2006). Multivariate Data Analysis (Vol. Vol. 6). Pearson Prentice Hall.
- Hamalik, O. (2003). Proses Belajar Mengajar.
- Hussin, F. A. (2014). Kaedah Penyelidikan & Analisis Data SPSS. Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Jasmi, K. A. (2012). Penyelidikan Kualitatif dalam Sains Sosial. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 .
- Konting, M. M. (1990). Alat Penyelidikan Pendidikan. In Kaedah Penyelidikan Pendidikan.
- Krejcie, R. V. (1970). Determining Sample Size for Research Activities, Educational And Psychological Measurement. (Vol. 30). Educational and Psychological Measurement.
- Kusnadi, A. (2013). Studi Pemanfaatan Perpustakaan sebagai Sumber Belajar Siswa.
- Kusuma, A. (2011). Pengaruh Pemanfaatan Perpustakaan SMP N 1 Bantul Terhadap Prestasi Belajar Siswa Tahun Pelajaran.
- M, S. A. (2002). Interaksi dan Motivasi Belajar Mengajar. Grafindo Persada , 46.
- Pallant, J. (2011). A step by step guide to data analysis using SPSS. Allyn & Unwin.
- Piaw, C. Y. (2006). Kaedah Penyelidikan Selangor . McGraw Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Prof Madya Dr. Bhasah Abu Bakar, D. Y. (2013). Metodologi Penyelidikan. Jurnal Metodologi Penyelidikan.
- Santrock, J. W. (2009). Educational Psychology.
- Saunders M., L. P. (2008). Research Method for Business Students . Research Methods for Business Students.
- Sawiji, W. (1997). Pendamping Materi Kewarganegaraan .

- Sekaran, U. &. (2013). Research Method for Business. In Research Methods for Business.
- Sekaran, U. (2003). Research and Markets: Research Methods for Business - A Skill Building Approach (Vol. Vol. 5). John Wiley & Sons.
- Sugiyanto. (2007, March 5). Kontribusi Gaya Belajar dan Motivasi Berprestasi Terhadap Prestasi Akademik Siswa Kelas XI SMA Negeri 10 Semarang .
- Supriyanto, A. (2007). Pengantar Teknologi Informasi.
- Sutarno. (2003). Perpustakaan dan Masyarakat. Yayasan Obor Indonesia .
- Suwarno, W. (2010). Pengetahuan Dasar Kepustakaan.
- Tarbo, K. (2006). School Libraries' Positive Impact on Student's Achievement. Teacher Librarian Journal, 34(64).